

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH / HARI : 29 NOVEMBER 2016 (SELASA)

2 Peluang selesaikan
tunggakan kompaun MBSA *AS*

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan melaksanakan Kempen Pengurangan Kompaun Siri 3/2016 sehingga 50 peratus untuk memberi peluang kepada Orang Kena Kompaun (OKK) menyelesaikan tunggakan kompaun kepada pihak majlis.

Pelaksanaan kempen pengurangan kompaun ini akan bermula mulai 1 Disember hingga 31 Disember dengan menawarkan sehingga 50 peratus pengurangan daripada bayaran sebenar kompaun yang dikenakan.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, kempen yang dilaksanakan ini merupakan inisiatif MBSA untuk membantu dan menggalakkan OKK menyelesaikan tunggakan kompaun sebelum tindakan tegas dikenakan terhadap mereka.

Jenis-jenis kompaun yang layak mendapat pengurangan sehingga 50 peratus iaitu Undang-undang Kecil Kedai Gunting Rambut 1983, Undang-undang Kecil Taman (MBSA) 2005, Undang-undang Kecil Vandalisme (MBSA) 2005, Undang-undang Kecil Establisyemen Makanan (MBSA) 2007 dan Undang-undang Kecil Pengendali Makanan (MBSA) 2007.

"Selain itu, pengurangan kompaun turut meliputi Undang-undang Kecil Iklan (MBSA) 2007, Undang-undang Kecil Penjaja (MBSA) 2007 dan Undang-undang Kecil Pasar (MBSA) 2007," katanya.

Menurutnya, orang ramai boleh membuat pembayaran kompaun di Kaunter Utama, Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran, Seksyen 14, Shah Alam, Pejabat Cawangan Sungai Buloh, Pejabat Cawangan Kota Kemuning, Pejabat Cawangan Setia Alam dan Pejabat Bergerak Shah Alam On Wheel (SAOW) setiap Sabtu.